

kampus



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai Pertandingan Tarian Negeri-Negeri Semenanjung dan Sabah Sarawak di UTHM, baru-baru ini.

UTHM perkasa tarian seni Melayu

SEPULUH universiti awam menyertai Pertandingan Tarian Negeri-Negeri Semenanjung dan Sabah Sarawak peringkat Majlis Kebudayaan Universiti-Malaysia (MAKUM) yang di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini.

Pertandingan tarian yang dikendalikan oleh Unit Kebudayaan, Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar itu merupakan program di bawah Majlis Kebudayaan Universiti - Universiti Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Sepuluh universiti awam yang terlibat termasuklah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Dalam pertandingan itu, Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS) telah dinobatkan sebagai juara diikuti Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mendapat Naib Juara dan Universiti Sains Malaysia (USM)

mendapat tempat ketiga.

Manakala UTHM selaku tuan rumah telah meraih Anugerah khas juri (kumpulan harapan terbaik) bagi kategori tarian dari negeri Semenanjung Malaysia.

Pertandingan ini melibatkan hampir 20 jenis tarian yang berasal dari negeri-negeri di Malaysia antaranya Zapin, Joget, Inang, wau bulan, kuda pasu, manganatip dan ngajat.

Majlis Penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Penolong Naib Canselor (Pembangunan, Pengurusan Fasilitas dan ICT), Prof. Dr. Ahmad Tarmizi Abd. Karim.

Penganjuran pertandingan tarian yang melibatkan negeri-negeri Semenanjung dan Sabah Sarawak seumpama ini bertujuan mengangkat kesenian dan kebudayaan setiap negeri bagi memastikan khazanah budaya ini terpelihara dan diwarisi generasi akan datang.

Walaupun UTHM berdiri sebagai sebuah universiti teknikal, institusi ini tetap menyahut cabaran menganjurkan pertandingan kebudayaan seumpama ini bagi menentang bidang kesenian selain mengasah kemahiran insaniah pelajar melalui bidang tarian.